

KONVENSYEN HAK KANAK-KANAK (CRC) MEMAHAMI KONVENSYEN HAK KANAK-KANAK

S: Apa itu Konvensyen hak kanak-kanak?

J: Konvensyen hak kanak-kanak merupakan perjanjian antarabangsa yang mengenalpasti hak kemanusiaan kanak-kanak, iaitu seseorang yang berumur sehingga 18 tahun.

Konvensyen ini mengandungi 54 artikel dan dua protokol pilihan. Ia juga menerangkan hak-hak kemanusiaan asas bagi semua kanak-kanak termasuklah:

- Hak untuk meneruskan kehidupan dengan sihat dan sejahtera;
- Untuk berkembang membesar dengan sepenuhnya;
- Hak untuk dilindungi daripada pengaruh yang memudaratkan, penderaan dan eksploitasi;
- Dan untuk melibatkan diri sepenuhnya di dalam kehidupan keluarga, budaya dan sosial.

S: Apakah visi terbaru bagi kanak-kanak yang terkandung di dalam konvensyen ini?

J: Konvensyen ini menunjukkan visi terbaru untuk kanak-kanak – bahawa kanak-kanak bukanlah harta benda kepunyaan ibu bapa mereka atau mereka adalah objek berbentuk kebajikan yang tidak mempunyai keupayaan. Mereka adalah manusia dan mempunyai hak mereka tersendiri.

Konvensyen ini menawarkan satu visi bagi kanak-kanak sebagai seorang individu dan sebagai ahli keluarga dan masyarakat, dengan hak dan tanggungjawab yang bersesuaian untuk umur dan peringkat pembesaran mereka.

Dengan mengenalpasti hak kanak-kanak melalui cara ini, ia memberi fokus kepada kanak-kanak tersebut dengan sepenuhnya. Sebelum ini, keperluan kanak-kanak dilihat sebagai sesuatu yang boleh ditimbang-tara, kini keperluan mereka tertakluk di bawah undang-undang. Mereka bukan lagi menjadi penerima pasif, malahan mereka kini menjadi pemegang mutlak hak mereka sendiri.

S: Mengapa konvensyen hak kanak-kanak ini diwujudkan?

J: Konvensyen ini percaya bahawa setiap kanak-kanak – tidak kira di mana mereka dilahirkan, kumpulan etnik mereka, samada mereka lelaki ataupun perempuan, kaya atau miskin – mereka semua mempunyai peluang untuk menjadi ahli masyarakat yang produktif dan berhak untuk bersuara dan diberi perhatian.

Konvensyen ini diwujudkan untuk melindungi hak kanak-kanak yang paling asas, termasuklah hak mereka terhadap:

- Identiti
- Penjagaan kesihatan

- Pendidikan
- Tempat tinggal
- Keselamatan
- Perlindungan khas ketika berlakunya peperangan

S: Apakah prinsip-prinsip yang terkandung di dalam konvensyen hak kanak-kanak ini?

J: Konvensyen ini adalah berdasarkan empat prinsip asas iaitu:

1. tiada diskriminasi (artikel 2);
2. apa yang terbaik untuk kanak-kanak (artikel 3);
3. hak kanak-kanak terhadap kehidupan yang sihat, sejahtera dan berkembang (artikel 6);
4. menghormati pandangan dan pendapat daripada kanak-kanak (artikel 12).

S: Bilakah konvensyen hak kanak-kanak ini dipersetujui?

J: Konvensyen hak kanak-kanak ini telah dipersetujui melalui undian sepakat negara-negara ketika berlangsungnya Persidangan Umum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November 1989.

ia merupakan dokumen hak kemanusiaan yang diterima di seluruh dunia.

S: Apakah mekanisma-mekanisma yang wujud untuk memastikan konvensyen hak kanak-kanak ini dilaksanakan untuk melindungi hak kanak-kanak?

J: Konvensyen ini meliputi rujukan yang bertujuan untuk mencapai tahap piawai hak kemanusiaan untuk kanak-kanak yang boleh dinilai dan hasilnya diperbandingkan.

Pihak kerajaan yang telah bersetuju dengan tahap piawai di dalam konvensyen ini, perlu memasukkan undang-undang, polisi dan amalan mengikut konvensyen ini; iaitu dengan merubah tahap piawai tersebut menjadi suatu realiti bagi kanak-kanak; dan untuk menghentikan sebarang aktiviti yang boleh mencegah kanak-kanak daripada menikmati hak-hak tersebut.

Pihak kerajaan perlu memberi laporan tentang kemajuan yang telah dilalui untuk mencapai semu hak-hak tersebut secara berterusan kepada satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar-pakar bebas.

S: Bagaimana masyarakat antarabangsa mengawasi dan menyokong kemajuan-kemajuan yang dicapai melalui pelaksanaan konvensyen hak kanak-kanak ini?

J: Jawatankuasa hak kanak-kanak, merupakan sebuah badan antarabangsa terdiri daripada pakar-pakar bebas yang telah dilantik, yang kini bertugas di Geneva untuk mengawasi pelaksanaan konvensyen ini, ia memerlukan pihak kerajaan yang telah bersetuju dengan

konvensyen ini menyerahkan laporan terhadap status hak kanak-kanak di negara masing-masing secara berterusan.

Jawatankuasa ini memberi komen dan mengkaji semula laporan-laporan ini dan menggalakkan negara-negara terlibat untuk mengambil langkah-langkah khusus untuk menubuhkan institusi-institusi khas untuk menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak.

Apabila perlu, Jawatankuasa ini akan memanggil bantuan antarabangsa daripada lain-lain kerajaan dan bantuan teknikal daripada organisasi seperti UNICEF.

S: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa hak kanak-kanak untuk menggalakan pihak kerajaan untuk memenuhi tanggungjawabnya terhadap kanak-kanak?

J: Melalui kajian semula yang dilakukan oleh Jawatankuasa ini terhadap laporan yang diberikan, ia menggesa semua peringkat kerajaan agar menggunakan konvensyen ini sebagai panduan di dalam membuat keputusan dan pelaksanaan polisi untuk:

- Membangunkan agenda kebangsaan yang komprehensif bagi kanak-kanak.
- Menubuhkan badan-badan organisasi yang tetap ataupun mekanisma yang menggalakkan penyelarasan, pengawasan dan penilaian aktiviti-aktiviti di seluruh sektor kerajaan.
- Memastikan kesemua undang-undang adalah bersesuaian dengan konvensyen ini.
- Memastikan bahawa proses pembangunan polisi mengambil-kira kanak-kanak dengan memperkenalkan penilaian impak kanak-kanak.
- Melaksanakan analisa bajet yang cukup untuk memastikan bahagian-bahagian dana kerajaan digunakan untuk kanak-kanak dan untuk memastikan kesemua sumber-sumber ini digunakan dengan berkesan.
- Memastikan data yang dikumpulkan adalah mencukupi dan digunakan untuk memperbaiki keadaan kanak-kanak di bawah setiap bidang.
- Meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat tentang konvensyen ini dengan memberikan latihan kepada mereka yang terlibat di dalam pembentukan polisi kerajaan dan mereka yang bekerja untuk dan bersama dengan kanak-kanak.
- Melibatkan masyarakat sivil – termasuklah kanak-kanak – di dalam proses pelaksanaan dan peningkatan kesedaran hak kanak-kanak.
- Menubuhkan pejabat perlembagaan bebas – suruhanjaya, pakar bebas dan lain-lain institusi – untuk menggalakkan hak kanak-kanak.

S: Bilakah Negara Malaysia telah menandatangani dan meluluskan konvensyen hak kanak-kanak ini?

J: Kerajaan Malaysia telah menandatangani dan meluluskan konvensyen ini pada bulan Mac tahun 1995.

Untuk maklumat lebih lanjut tentang konvensyen ini, sila layari:

<http://www.unicef.org/crc/crc.htm>